

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SERI MAHADZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperkasakan lagi Akta Cap Dagangan dan Perihal Dagangan terhadap pengusaha bukan muslim yang menyalah gunakan logo, nama dan identiti Islam terhadap produk keluaran kerana ianya mengelirukan pengguna pengguna beragama Islam.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berperanan meneliti semua permohonan pemfailan Cap Dagangan daripada pemohon yang terdiri dari pengusaha dan pemilik produk perniagaan dari dalam dan luar negara yang ingin mendaftarkan tanda nama produk mereka di Malaysia. Akta Cap Dagangan 2019 yang telah dibentang dan diluluskan oleh Parlimen pada Julai 2019 bersama-sama Peraturan Cap Dagangan 2019 akan mengukuhkan lagi perundangan berkaitan Cap Dagangan.

Untuk makluman Yang Berhormat Padang Terap, berdasarkan Seksyen 23(5), Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019 yang telah diluluskan oleh Parlimen memperuntukkan bahawa suatu permohonan cap dagangan boleh ditolak jika penggunaannya berkemungkinan

memperdaya atau menyebabkan kekeliruan kepada orang awam atau permohonan tersebut mengandungi atau terdiri daripada apa-apa perkara yang boleh menyinggung mana-mana pihak, kaum, agama dan sebagainya. Ianya termasuklah sebarang tanda, logo, jenama dan nama yang boleh dikaitkan dengan agama Islam. Pemakaian peruntukan-peruntukan di dalam Akta Cap Dagangan 2019 adalah bersifat umum tanpa khusus kepada bangsa, kaum atau agama tertentu sahaja. Ianya juga adalah selaras dengan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang terpakai bukan sahaja kepada orang Islam sahaja tetapi juga kepada orang bukan Islam.

Akta Cap Dagangan 2019 menyatakan bahawa:-

Seksyen 23(5) - Sebagai tambahan kepada alasan dalam subseksyen (1), (3) dan (4), Pendaftar hendaklah menolak untuk mendaftarkan suatu cap dagangan berdasarkan mana-mana alasan mutlak untuk penolakan pendaftaran yang berikut: -

- i. Seksyen 23(5)(a) – Jika penggunaan cap dagangan itu berkemungkinan memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan kepada orang awam atau bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis;
- ii. Seksyen 23(5)(c) – cap dagangan yang bertentangan dengan kepentingan awam atau moral;
- iii. Seksyen 23(5)(d) – cap dagangan itu mengandungi atau terdiri daripada apa-apa perkara yang tidak sepatutnya atau yang menyinggung atau sebaliknya tidak berhak mendapat perlindungan oleh mana-mana mahkamah undang-undang; dan

- iv. Seksyen 23(5)(f) – Cap Dagangan itu mengandungi atau terdiri daripada nama atau gambaran lain tentang seseorang sama ada orang itu masih hidup atau telah mati, melainkan jika pemohon itu memberi Pendaftar persetujuan orang itu, jika orang itu masih hidup, atau persetujuan wakil orang itu jika orang itu telah mati.

Akta Perihal Dagangan 2011 yang dikawal selia oleh Kementerian pula merupakan suatu undang-undang yang bersifat universal di mana ianya terpakai kepada semua pengusaha termasuklah mereka yang beragama Islam dan bukan Islam. Seandainya terdapat mana-mana pengusaha yang melakukan pelanggaran ke atas Akta ini, tindakan boleh diambil terhadap pengusaha tersebut.

Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011 memandangkan perundangan sedia ada iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 telah memadai bagi menangani isu penyalahgunaan perbahasaan dan representasi halal pada produk yang ditawarkan untuk jualan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan berkerjasama dengan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi memperkemaskan lagi penguatkuasaan berkaitan perbahasaan halal.

Sekian, terima kasih.